



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PELAN OPERASI LATIHAN (POL) ANJURAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Malaysia merupakan antara negara yang terjejas akibat penularan penyakit berjangkit Coronavirus 2019 (Covid-19) dan Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dalam mengawal penularan ini dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020.
- 1.2 Perintah Kawalan Pergerakan ini berlanjutan ke fasa Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020. Walau bagaimanapun, PKPP ini belum dapat dipastikan sehingga bila tempoh tamatnya.
- 1.3 Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan *Standard Operation Procedure* (SOP) berdasarkan nasihat teknikal dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi aktiviti-aktiviti yang dibenarkan sepanjang tempoh PKPP.
- 1.4 Dengan mengambilkira SOP yang digunapakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan SOP Am MKN bagi Penganjuran Majlis Kerajaan dan Swasta, maka Garis Panduan Pelaksanaan Pelan Operasi Latihan (POL) Anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini dikeluarkan.
- 1.5 Garis Panduan ini adalah bagi rujukan kepada Urus setia Bahagian/Unit Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia serta Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia yang menganjurkan POL di pejabat masing-masing.
- 1.6 Garis Panduan ini disediakan dengan mengambil kira langkah-langkah untuk mengawal penularan Covid-19.

2.0 PELAKSANAAN POL

- 2.1 Penganjuran POL adalah digalakkan untuk dilaksanakan secara atas talian. Walau bagaimanapun, bagi penganjuran POL yang dilaksanakan secara bersemuka, jumlah peserta maksima yang dibenarkan pada setiap sesi penganjuran adalah seramai 250 orang sahaja mengikut kapasiti ruang tempat penganjuran dengan penjarakan sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- 2.2 Urus setia bagi penganjuran POL perlu melaksanakan saringan pemeriksaan kesihatan dengan kaedah :
- i. Mengambil dan merekod suhu badan semua peserta/penceramah/ fasilitator/Urus setia sebelum kursus/seminar/bengkel dijalankan;
 - ii. Memastikan semua peserta/penceramah/Urus setia telah melalui saringan status kesihatan dilaksanakan setiap hari di lokasi yang ditetapkan sebelum kursus bermula; dan
 - iii. Bagi mereka yang didapati mempunyai suhu badan melebihi 37.5 Celcius atau menunjukkan simptom seperti demam, sakit tekak, batuk, selsema, susah nafas, mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam kursus/seminar/bengkel tersebut.
- 2.3 POL yang dilaksanakan di dalam bilik/dewan mahupun aktiviti di lapangan perlu mengamalkan penjarakan sosial satu (1) meter dalam semua aktiviti semasa sesi kursus/seminar/bengkel berlangsung. Bagi sesi kursus/seminar/bengkel yang dilaksanakan di dalam bilik/dewan, jarak susun atur meja dan kerusi adalah sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- 2.4 Pembudayaan penjagaan kebersihan tangan perlu diamalkan dengan memastikan peserta/penceramah/fasilitator/Urus setia kerap mencuci tangan dengan menggunakan air sabun. *Hand sanitizer* boleh digunakan sekiranya tiada kemudahan air dan sabun.
- 2.5 Pembersihan dan disinfeksi perlu dilaksanakan dengan cara memastikan kawasan latihan bersih dan selamat untuk digunakan. Sekiranya terdapat kes positif COVID-19 di tempat kursus/seminar/bengkel, maka Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) perlu dipatuhi.
- 2.6 Hebahan maklumat langkah kebersihan dan keselamatan perlu dibuat dengan sewajarnya sebelum sesi kursus/seminar/bengkel berlangsung.

- 2.7 Pemakaian pelitup muka (face mask) kepada peserta/penceramah/Urusetia adalah digalakkan ketika menghadiri kursus/seminar/bengkel.
- 2.8 Memastikan dewan makan sentiasa bersih dan penyedia serta pengendali makanan mematuhi garis panduan penyediaan makanan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 2.9 Kemudahan tempat ibadat dalam premis perlu dikawal dengan amalan penjarakan sosial di mana memasukkan orang dihadkan berdasarkan kepada saiz bilik.
- 2.10 Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat dan bergilir. Sebarang penyediaan atau pemberian makanan adalah secara *pack-food* dan makan dalam kedudukan penjarakan serta tidak berkumpul semasa makan.
- 2.11 Pengurus asrama perlu mengamalkan penjarakan sosial satu (1) meter meliputi:
 - a) susun atur katil dan perabot di bilik asrama;
 - b) susun atur kerusi di dewan makan; dan
 - c) tidak membenarkan peserta/penceramah/Urusetia yang bergejala menginap di asrama.
- 2.12 Pengurusan kes Covid-19 :
 - a) mengenal pasti dan menyediakan senarai kontak rapat bagi membantu PKD;
 - b) memberi kerjasama kepada anggota PKD; dan
 - c) mendapatkan nasihat daripada PKD mengenai keperluan melaksanakan pembasmian kuman di lokasi yang dikenal pasti.

3.0 PEMATUHAN

Pematuhan Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa.

4.0 TARIKH KUATKUASA


Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.

5.0 PEMBATALAN

Pekeliling ini akan terbatal secara serta merta apabila tempoh PKP/PKPP tamat sepenuhnya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia.

Tarikh : 8 Julai 2020